

## Salun khas Muslimah di Sungai Lang cetusan idea usahawan muda



**S**orang wanita tidak menyangka walaupun hanya mempunyai lebih tujuh tahun pengalaman dalam bidang dandan rambut dan rawatan muka namun kini mampu memiliki perniagaan pustak kecantikan pada usia muda.

Nurazianti Mohd Yusof, 27, malah menganggap perkara itu sebagai cabaran yang perlu dihadu walaupun tidak pernah terfikir untuk menjalankan perniagaan sendiri ketika usia belum mencapai 30 tahun.

Ibu kepada dua orang anak itu berkata, bagaimanapun, Aniz Beauty Saloon miliknya di Kampung Sungai Lang di sini, mempunyai kelebihan tersendiri apabila ia dibuka khas untuk wanita Muslim.

"Sebelum ini saya pernah beberapa kali bekerja di pusat dandan rambut tapi tak pernah terfikir nak buka perniagaan sendiri dalam usia yang mudah."

"Salun saya khas untuk Muslimah dan ia jadi tarikan kepada wanita dari kampung ini yang nak dapatkan perkhidmatan dandan rambut selain rawatan muka dan urutan telur tapis dalam masa sama mahu menjaga aurat," katanya.

Menurutnya, perniagaan itu dijalankan selepas mengambil alih perniagaan dandan rambut daripada bekas majikan



Nurazianti bersama pembantunya yang juga ahli keluarga merujuk majalah sambil berbincang mengenai perniagaannya.

dan menyewa di premis sama di K13 Lapang Niaga Sabar Latif, Sungai Lang di sini.

"Saya bekerja paling lama dengan seorang majikan lebih kurang tujuh tahun. Sebab tu saya berani nak ambil alih perniagaannya dan ahli keluarga juga banyak bantu, saya bersyukur sangat."

"Saya tak sangka pelanggan lama masih datang ke sini dan saya berterima kasih dengan bekas majikan sebab dia bimbang saya. Paling seronok bila saya kongsikan perkhidmatan saya melalui Facebook, sampaikan pelanggan dari Lembah Klang pun datang cari kedai saya ni," katanya.

Nurazianti yang mempunyai sijil kemahiran dandan melalui kursus Bela dan Sukan berkata, premisnya beroperasi dari jam 10 pagi hingga 6 petang setiap hari kecuali Ahad.

## Risda lancar depo latex pertama

Usaha bantu pasarkan getah cair di pasaran tempatan mulai tahun depan

**DENGKIL** - Pihak Berkusa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Risda) memulakan Depo Pembelian Susu Getah (Latex) yang pertama di Malaysia terletak di Kampung Orang Asli Bukit Jenok, di sini.

Pengarah Bahagian Pengembangan dan Pemindahan Teknologi Risda, Amran Jaafar berkata, melalui penubuhan berkenaan Risda membantu mengeluarkan latex dari Malaysia dan menjualnya di pasaran tempatan mulai tahun depan.

"Saya yakin kita mampu mengeluarkan latex sendiri dan depo ini akan dijadikan sebagai ikon termasuk menjadi contoh kepada pekebun kecil dan kawasan lain di seluruh negara."

"Saya harap pihak yang terlibat dapat memantau depo supaya sentiasa baik dan dimanfaatkan oleh pekebun di kawasan ini," katanya kepada Sinar Harian selepas pelancaran majlis tersebut oleh Adun Dengkil, Shahrum Mohd Sharif di Kampung Orang Asli (KOA) Bukit Jenok, di sini, semalam.



Shahrum (kiri) bersama Pengarah Risda negeri, Mohd Rosli Hassan (kanan) menuang getah cair ke dalam depo yang disediakan sambil disaksikan oleh Amran (tengah).

Sementara itu, Shahrum ketika ditemui berkata, pembukaan depo berkenaan mampu meningkatkan hasil pendapatan penoreh sehingga 40 peratus dan mencecah sehingga RM1,000.

"Kalau dulu pendapatan penoreh dengan menjual getah beku hanya RM600 sebulan. Sebagai contoh dengan adanya depo, mereka boleh menjual terus getah cair kepada Risda secara harian tanpa me-

lai peraih."

"Saya juga bangga apabila kawasan KOA Jenderam Hilir termasuk di KOA Bukit Jenok yang terletak di Daerah Sepang ini terpilih menjadi Depo Latex pertama di Malaysia."

• Depo latex itu terletak di Kampung Orang Asli Bukit Jenok itu

INFO ● Pusat pembelian pertama di negara ini

katanya.

Menurutnya, usaha dilakukan kerajaan itu sudah tentu bertujuan menambah pendapatan rakyat yang berdepan dengan kos hidup golongan masyarakat di luar bandar.

"Depo ini beroperasi sejak sebuah bulan yang lalu dengan penyertaan awal seramai 11 peserta dan diuruskan oleh ahli jawatankuasa Kampung Orang Asli Bukit Jenok."

Lebih lanjut, dia berkata, kerajaan dengan Koperasi Pekebun Kecil Langat (Kopel) untuk membantu meningkatkan kebajikan ahli dan menambah pendapatan pekebun kecil," katanya.